

Gosok perut cikgu dapat markah tinggi

SEWAKTU Menteri Pendidikan Nigeria berhadapan dengan 1,000 kanak-kanak sekolah, dia menjangka untuk mendengar aduan mengenai kelas yang penuh sesak atau kekurangan peralatan.

Namun, seorang demi seorang kanak-kanak perempuan berbicara mengenai guru yang meminta habuan seks jika mereka mahukan markah lebih tinggi. Salah seorang kanak-kanak perempuan itu baru berusia 11 tahun.

"Saya terkejut," kata menteri terbabit, Obiageli Ezekwesili, yang juga punya beberapa anak.

"Saya bertanya, adakah ia begitu berleluasa? Dan semuanya menjawab, 'ya.'"

Bertahun lamanya, gangguan seksual menjadi-jadi di universiti Nigeria tetapi tidak banyak yang dilakukan mengenainya.

Menerusi temubual bersama pegawai dan penuntut wanita di kolej, didapati wanita berkaitan berada dalam keadaan ragu-ragu dan tidak diberi markah yang baik kerana membantah gangguan seksual guru mereka.

Setengahnya dinasihatkan guru lain supaya menyerah diri secara diam-diam.

Masalah itu merebak pula ke sekolah, kata Ezekwesili. Ada tanda kini kerajaan akhirnya bersedia untuk campur tangan. Malah, gangguan seksual itu turut ditampilkan dalam lagu oleh pemuzik popular Nigeria, Eedris Abdulkareem, justeru memang mustahil untuk tidak mengendahkan perkara itu.

"Tuan pensyarah, marilah bersama saya," nyanyi gadis muda dalam lagu terbabit.

H-in 31/3/07 M/S 10
Pelajar universiti Nigeria dihantui gangguan seksual oleh tenaga pengajar




**Tuan pensyarah,
marilah bersama saya,
saya akan gosok
perut belakang dan
perut gendutmu
supaya saya lulus
ujian"**

>Eedris Abdulkareem
Pemuzik popular Nigeria

perkara sebenar, kata Olujemisi Obilade, profesor mengajar pendidikan dewasa di Universiti Obafemi Awolowo di Ile Ife di tengah Nigeria.

Seperti kebanyakan universiti Nigeria, kampus yang kelihatan mendamaikan dengan dedaunan pohon melambai dan seni bina art deco menyaksikan serangan seksual yang cukup dahsyat.

Selepas seorang penuntut dirogol beramai-ramai sembilan tahun lalu, Obilade



HARAPAN KELUARGA... gangguan seksual di kalangan pelajar sekolah dan universiti Nigeria menyukarkan mereka mencari pekerjaan.



ada dalam lagu terbabit. Saya akan gosok belakang dan perut gendutmu supaya saya lulus ujian."

Dengan ketawa kecil, Abdulkareem menjawab, "Datanglah ke pejabat saya." Kebanyakan mangsa adalah penuntut kolej seperti Chioma. Gadis langsing dan pendiam berusia 22 tahun ini mempunyai purata markah B tetapi dia berulang kali gagal mata pelajaran sains politik selepas enggan memenuhi kemahuan seks gurunya.

Menurut Chioma, dia cukup tua untuk bergelar datuknya. "Kini sudah dua tahun dan orang lain sudah tamat pengajian," katanya sedih.

Dia begitu mengharap untuk menamatkan pengajian dan mula bekerja untuk membantu menyara keluarga tetapi hidupnya 'terhenti'.

Sewaktu temu bual, Chioma dan beberapa rakannya yang lain enggan nama keluarga mereka disiarkan. Semuanya berkata, mereka dan rakan rapat mereka mengalami gangguan seksual.

Rasa aib menghalang ramai lagi gadis untuk menceritakan

menubuhkan persatuan, 'Wanita Menentang Rogol, Gangguan Seksual dan Eksploitasi' atau Warshe.

Obilade menganggarkan dia sudah membantu beratus penuntut wanita dan sebilangan lelaki, yang pernah diserang oleh penuntut lain atau diganggu oleh pensyarah.

"Mereka pernah dirogol di perpustakaan, bilik bacaan dan asrama mereka sendiri," katanya.

Apabila seorang penuntut memerlukan pembedahan pemuliharaan selepas satu serangan ganas, Obilade dan beberapa rakan sekerjanya memberikan bonus akhir tahun mereka untuk membantu membiayai rawatan terbabit.

"Sesetengah pensyarah melihat gadis muda ini sebagai faedah sampingan," katanya yang memakai baju-t bertulis 'inilah rupa seorang feminis'.

"Kami mempunyai kes di mana penuntut perempuan sudah membuat aduan dan ketua jabatan memanggil mereka lalu berkata, 'beri saja apa yang lelaki itu mahu.'"

Mayowa, penuntut berusia 20 tahun berkata, enam rakannya

bermasalah tetapi tidak seorang pun yang meminta bantuan.

"Sukar untuk melawan. Ada kalanya anda terpaksa menyerah."

Dalam kajian terkini dikendalikan penuntut pengajian ijazah dan dibiayai Warshe, 80 peratus daripada lebih 300 wanita yang disoal di empat universiti menyatakan gangguan seksual adalah kebimbangan mereka paling utama.

Tetapi dengan tradisi kuat di kalangan rakyat Afrika untuk menghormati mereka yang lebih tua, keluarga atau guru, penuntut yang mengalami gangguan seksual itu payah mendapat sokongan walaupun aduan berulang kali dibuat ke atas individu berkaitan.

Bola, penuntut sains politik sering mendapat purata markah C, berkata dia diganggu berulang kali seorang guru yang menyerang beberapa penuntut lain.

"Dia menyusahkan saya yang sering meminta saya bertemunya pada waktu jauh malam tetapi saya tak pergi," katanya.

Selepas keengganannya, dia terpaksa mengulang mata pelajaran berkenaan dua kali,


bersama-sama empat lagi penuntut wanita lain yang menolak cubaan profesor terbabit untuk bermesra dengan mereka.

"Malah ibu bapa saya tak mahu membantu masalah ini. Saya harap ada seseorang yang berani menghadapi lelaki itu," katanya.

Gangguan seksual sesuatu yang lazim di sekolah dan kolej di kebanyakan negara Afrika, kata penasihat kanan Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Miriam Jato.

"Di beberapa kawasan pedalaman, ibu bapa mengeluarkan anak mereka daripada sekolah apabila tiba usia tertentu kerana bimbang mereka terpaksa mengadakan hubungan dengan guru."

"Ia memusnahkan prospek kerja mereka atau mereka hamil dan terpaksa dibuang sekolah. Satu kemungkinan untuk mereka membina hidup yang lebih baik adalah menerusi perkahwinan tetapi berkahwin pun tak boleh jika mereka hamil. Mereka mungkin terpaksa terjebak dalam pelacuran," katanya.



RISIKO DIGANGGU...gangguan seksual yang berleluasa di kalangan penuntut universiti mula menular di kalangan pelajar sekolah.